

06 JUN 1996

Mahathir-ISO

GARISPANDUAN ISO 9000 DIEDARKAN KEPADA JABATAN KERAJAAN BULAN INI

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata surat pekeliling yang mengandungi garispanduan bagi mencapai taraf piawaian ISO 9000 dalam sektor perkhidmatan awam negara akan diedarkan kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan sebelum akhir bulan ini.

Perdana Menteri berkata, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sudah menyerahkan surat pekeliling itu kepada beliau untuk dikaji garispanduan yang disediakan hasil kerjasama pejabat Pertubuhan Standard Antarabangsa (ISO) di Switzerland.

"Ini adalah satu percubaan yang amat besar yang belum pernah dibuat oleh sesiapa. Walaupun ada jabatan tertentu di negara lain yang telah mendapat ISO 9000, kita hendak cuba buat untuk seluruh pentadbiran negara," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Dalam Negeri di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) akan dilantik sebagai agensi penilai yang turut dianggotai wakil Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan sektor swasta.

Katanya, pemilihan wakil sektor swasta menganggotai agensi penilai itu bertujuan untuk memastikan penilaian yang diberikan lebih tepat berbanding jika hanya disertai MAMPU dan SIRIM yang juga sebahagian daripada agensi kerajaan.

Perdana Menteri, yang menganggap matlamat kerajaan untuk mencapai taraf piawaian ISO 9000 itu sebagai satu cita-cita besar, berkata kejayaannya bergantung kepada kerjasama erat semua pihak dalam perkhidmatan awam.

Dr Mahathir berkata, aspek utama yang perlu dinilai bagi mencapai taraf itu ialah mutu perkhidmatan sektor awam secara keseluruhan, termasuk proses kelulusan sesuatu permohonan dan kecekapan perkhidmatan yang diberikan.

"Mungkin ada kementerian, jabatan atau agensi kerajaan yang mampu mencapai taraf itu lebih awal tetapi untuk memastikan pencapaiannya meliputi keseluruhan pentadbiran awam negara akan mengambil masa yang agak panjang," katanya.

Katanya, beberapa langkah akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan matlamat itu dicapai seperti penilaian prestasi kementerian, jabatan dan agensi setiap tahun serta pelaksanaan sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) secara lebih ketat.

Beliau yakin matlamat itu tidak mustahil untuk dicapai kerana Sistem Saraan Baru (SSB) yang ada sekarang sudah menunjukkan bahawa ramai individu sanggup bekerja keras bagi meningkatkan mutu kerja dan kemudian menikmati pelbagai insentif sebagai ganjaran daripada perkhidmatan mereka yang cemerlang.

Tanpa menjanjikan bentuk ganjaran kepada semua kakitangan kerajaan jika matlamat ISO 9000 itu dicapai, Dr Mahathir berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah menggabungkan tenaga setiap individu kerana sasaran mereka sekarang adalah kecemerlangan keseluruhan perkhidmatan awam.

"Sekarang ini kita hendak lihat lebih merupakan pasukan daripada individu kerana kita hendak mempertingkatkan keseluruhan pentadbiran kerajaan.

"Insentif tak berapa banyak. Selain daripada gaji mungkin bertambah tapi nak tambahpun bergantung sama ada perkhidmatan kerajaan ini berjaya membangunkan negara dan dengan itu hasil kerajaan bertambah," katanya

ketika ditanya sama ada insentif seperti SSB turut ditawarkan kepada anggota perkhidmatan awam jika mereka berjaya mencapai matlamat ISO 9000 itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, kakitangan kerajaan tidak seharusnya terlalu memikirkan ganjaran yang akan diperolehi untuk menjayakan sesuatu tugas kerana apa yang lebih penting ialah mereka perlu melakukan sesuatu jika ia untuk kebaikan.

"Kita hendak supaya kita dapat mempunyai satu kebanggaan dengan pencapaian kita sebagai sebuah negara. Kita hendak supaya rakyat dan pentadbir mempunyai semangat yang tidak mepedulikan balasan," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berharap ketua-ketua jabatan membaca dengan teliti surat pekeliling ISO 9000 yang akan dikeluarkan itu dan melaksanakannya dengan tepat.

"Ia agak tebal sedikit dan saya berharap ketua-ketua jabatan baca keseluruhannya dan laksanakannya," katanya.

Mengenai pertukaran insentif cuti tanpa rekod selama tujuh hari, bagi mereka yang mendapat pergerakan gaji secara melintang, kepada hadiah berbentuk sijil saham, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan untuk memberi manfaat yang lebih baik kepada mereka.

Katanya, cuti tanpa rekod juga bertentangan dengan prinsip Anugerah Khidmat Cemerlang yang memberi penekanan kepada konsep "kuat bekerja" bukannya "kuat berehat".

"Saya minta maaf kerana ganti cuti ini. Tapi saya yakin ia satu pertukaran yang baik untuk diri sendiri dan perkhidmatan secara keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

AH AKD